

DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

DI JOHOR BAHRU
DI NEGERI JOHOR MALAYSIA
TUNTUTAN NO: TTPM-J-(P)-7-2024

ANTARA

LIM BENG YAW ADMEN

Pihak Yang Menuntut

DAN

CARLEUR CARE PLT
202004002828

Penentang

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Ini adalah award Borang 10 selepas pendengaran dimana tuntutan Pihak Yang Menuntut adalah ditolak.

PENDAHULUAN

[2] Borang 1 yang difailkan PYM adalah berkaitan pembaikan kereta BMW X1 dan alat gantinya yang termasuk '1. engine oil cooler, 2. totachi coolant, 3. GM6 Kotak gear Overhaul, 4. Totachi ATF MV, 5. Lubegard Platinum Uni Atf Protect, 6. Lubegard Aluminium Protectant 296, 7. Labour Charges' dengan amaun tuntutan sebanyak RM9,700.00.

[3] Dalam lampiran kepada Borang 1, PYM juga menambah bahawa setelah menerima kenderaannya semula dari P, kereta tersebut ada sentapan (jerking) dan tidak lancar penukaran gearnya. PYM memaklumkan P dan P membalas bahawa 'valve body' kereta tersebut adalah agak lama dan perlu ditukar. PYM juga menyatakan bahawa penukaran gear pertama kepada gear kedua adalah tidak lancar dan apabila masuk gear ketiga, ianya akan kekal disitu dengan RPM yang tinggi.

[4] Selanjutnya PYM juga menyatakan bahawa P menjawab jika 'valve body' ingin ditukar, harganya adalah lebih kurang RM6000.00 dan PYM enggan menukarnya. dan terus pulang ke Johor Bahru. PYM setelah pulang ke Johor Bahru tidak berjaya untuk menghidupkan enjinnya. PYM mendakwa telah bertanyakan sebutharga kepada beberapa bengkel kereta di Johor Bahru dan diberi harga antara RM5,000.00 hingga RM6,000.00 bagi membaikpulih atau menggantikan kotak gear baru yang mana harganya adalah termasuk 'valve body'. PYM bagaimanapun tidak mengemukakan sebarang bukti bagi sebutharga-sebutharga tersebut.

[5] PYM menambah bahawa P telah meminta PYM menghantar semula kereta kepadanya untuk ditukar 'valve body' pada harga RM6,000.00 tetapi PYM enggan kerana tidak mahu menanggung kos lori sebanyak RM2,000.00.

[6] Borang 2 difailkan P menyatakan bahawa P hanya overhaul kotak gear sahaja, dengan melampirkan gambar-gambar tangkaplayar 'WhatsApp' yang mengandungi gambar No. 1 boleh menghidupkan enjin tapi kotak gear tak jalan sahaja, gambar No. 3, gambar clutch baru, set overhaul, piston set baru overhaul kotak gear sahaja. Gambar No. 4 maklumkan pemilik (PYM) kotak gear ada tersenggut akibat mechatronic tidak cantik kerana mechatronic tidak mahu ditukar oleh pemilik dan pemilik memahaminya. Gambar No. 5 pada 18 November 2023 kereta tidak boleh dihidupkan pada gear P dan N kerana memang ada 'fault code' mechatronic rosak. P telah memaklumkan kepada PYM yang P tidak menjual mechatronic, dan jika dibeli mechatronic terpakai, ianya dijual bersama-sama mechatronic dan tidak dijual secara berasingan.

KEPUTUSAN

[7] Setelah menilai kesemua kertas kausa dan dokumen-dokumen yang dimasukkan sebagai eksibit, serta keterangan-keterangan PYM dan P, Borang 10 dikeluarkan oleh Tribunal ini yang menolak tuntutan PYM.

[8] Alasan-alasan keputusan ini adalah seperti berikut. PYM dalam Borang 1 telah menyenaraikan segala kerja yang dijalankan oleh P, yang mana kesemua kerja-kerja ini tidak berkaitan dengan kerosakan yang didakwa berlaku oleh PYM. Ini kerana PYM telah berjaya

menghidupkan enjin dan memandu balik kenderaannya dari Pulau Pinang ke Johor Bahru walaupun dalam keadaan keretanya tidak lancar dari segi penukaran gear. PYM mengakui yang P ada menawarkan untuk menggantikan 'valve body' tetapi ditolak oleh PYM.

[9] PYM setelah bertanyakan kepada bengkel-bengkel lain juga, telah mengesahkan bahawa kerosakan adalah pada bahagian 'valve body' yang perlu ditukar, dan telah tidak ditukar oleh PYM sebelum balik ke Johor Bahru. PYM tidak boleh menuntut terhadap perkhidmatan dan barangan yang telah diterima dan digunakan sedangkan ianya terbukti berpunca dari masalah lain.

[10] PYM juga tidak melampirkan apa-apa bukti dari segi dokumen seperti sebutharga dan apa-apa dokumen dan saksi-saksi yang boleh membantu Tribunal dalam membuat keputusan. Dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah hanya berkaitan urusan dengan P sahaja dan tidak ada dokumen-dokumen lain yang boleh dibandingkan dengan dokumen-dokumen sedia ada.

[11] Berdasarkan keterangan P yang tidak dibantah oleh PYM, kereta PYM dihantar ke bengkel pada 9 November 2023 dan disiapkan keesokan harinya iaitu 10 November 2023. Tarikh-tarikh ini adalah konsisten dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh PYM sendiri. P menyatakan bahawa tiada apa-apa rungutan dan aduan oleh PYM sehinggalah pada tarikh 18 November 2023. Borang 1 PYM tidak meletakkan kronologi tarikh-tarikh berkaitan dan ianya agak meragukan dan sukar menyokong tuntutan PYM. Hanya 2 tarikh dimaklumkan PYM iaitu transaksi didakwa berlaku pada 12 November 2023 dan kereta masih di bengkel pada 27 November 2023. Tarikh-tarikh menerima kereta dan memandu pulang ke Johor Bahru tidak dinyatakan dengan jelas. Tarikh-tarikh ini adalah penting agar keputusan yang adil dapat dibuat dan ketiadaan tarikh hanya akan melemahkan kredibiliti kes PYM.

[12] PYM juga tidak menjelaskan apakah yang sebenarnya telah dilakukan kepada keretanya setelah pergi bertanyakan kepada bengkel-bengkel lain, samada adakah 'valve body' telah ditukar, atau adakah 'mechatronic'nya telah digantikan. PYM hanya menyatakan bahawa setakat 27 November 2023, keretanya masih lagi berada di bengkel dan bengkel-bengkel lain

memaklumkan masalah sebenar adalah 'valve body'dan bukan kotak gear. Malangnya kenyataan ini tidak disokong oleh apa-apa dokumen mahupun saksi.

[13] PYM juga tidak menyatakan apakah yang terjadi kepada kesemua alat ganti yang telah ditukar oleh P yang mana ini adalah tuntutan utama PYM. Tiada kerosakan dilaporkan oleh PYM berkaitan kesemua alat ganti ini yang mana ianya telah disentuh sebelum ini.

[14] Beban pembuktian adalah terletak pada PYM dan dalam ketiadaan bukti-bukti lain, tuntutan PYM harus ditolak.

Bertarikh 19 Februari 2024

HAFEZ BIN ZALKAPLI
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA